



JABATAN HAL EHWAL WANITA SABAH

Bil.JHEWA 1000-0/60

GARIS PANDUAN PENGGUNAAN LOGO RASMI JABATAN HAL EHWAL WANITA SABAH (JHEWA)

1. PENGENALAN

- 1.1 Selaras dengan pemakluman pematuhan logo rasmi JHEWA bagi Persatuan/Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) wanita yang berdaftar di bawah JHEWA Rujukan JHEWA 700-0-Jld.11/(80) bertarikh 12 April 2023, maka garis panduan ini dikeluarkan sebagai rujukan.
- 1.2 Garis panduan penggunaan logo rasmi JHEWA merangkumi prosedur permohonan, syarat-syarat permohonan, borang permohonan rasmi, senarai semak permohonan, pematuhan penggunaan logo rasmi dan garis panduan penggunaan logo JHEWA yang lebih terperinci.

2. TUJUAN

- 2.1 Garis panduan ini adalah bertujuan untuk menjelaskan prosedur dan ketetapan kepada dan agensi-agensi Kerajaan, syarikat swasta, Badan Bukan Kerajaan (NGO), dan individu, untuk kelulusan penggunaan logo JHEWA bagi sebarang penganjuran program.
- 2.2 Mewujudkan mekanisma yang sistematik bagi memproses dan memberikan kelulusan permohonan penggunaan logo JHEWA.

“SABAH MAJU JAYA”

2.2 Mewujudkan mekanisma yang sistematik bagi memproses dan memberikan kelulusan permohonan penggunaan logo JHEWA.

2.3 Menggariskan peranan dan tanggungjawab semua pihak yang terlibat dalam proses penggunaan logo JHEWA.

3. OBJEKTIF

3.1 Memastikan penggunaan logo JHEWA digunakan untuk penganjuran program serta perkara-perkara lain yang mendapatkan pengiktirafan, diyakini dan memberi impak positif kepada masyarakat.

3.2 Menjaga nama baik, imej, kredibiliti dan reputasi JHEWA melalui penggunaan logo secara wajar dan bersesuaian.

3.3 Mewujudkan sistem kawalan yang berkesan ke atas penggunaan logo JHEWA agar dapat mencegah daripada penyalahgunaan yang tidak wajar.

3.4 Melindungi logo JHEWA daripada dieksploitasi dan penipuan.

4. PERMOHONAN PENGGUNAAN LOGO JHEWA

Permohonan penggunaan logo JHEWA yang lengkap hendaklah dimajukan kepada Pengarah Jabatan Hal Ehwal Wanita Sabah bersama dokumen sokongan yang berkaitan dan hendaklah dihantar melalui Bahagian Korporat, Kualiti dan ICT Jabatan Hal Ehwal Wanita Sabah untuk mendapatkan kelulusan serta kebenaran bertulis daripada Pengarah Jabatan Hal Ehwal Wanita Sabah.

“SABAH MAJU JAYA”

5. TATACARA PERMOHONAN PENGGUNAAN LOGO JHEWA

- 5.1 Memuat turun dokumen Garis Panduan Penggunaan Logo JHEWA dan borang rasmi permohonan penggunaan logo melalui laman web rasmi Jabatan Hal Ehwal Wanita Sabah.
- 5.2 Membuat permohonan dengan mengemukakan borang rasmi permohonan penggunaan logo yang telah lengkap diisi serta mengemukakan dokumen-dokumen berkaitan (rujuk senarai Semak – Lampiran C) kepada Bahagian Korporat, Kualiti dan ICT, JHEWA.
- 5.3 Permohonan lengkap hendaklah dikemukakan sekurang-kurangnya **14 hari** sebelum tarikh penggunaan logo.
- 5.4 Bahagian Korporat, Kualiti dan ICT, JHEWA akan membuat semakan dan penelitian terhadap borang permohonan dan dokumen sokongan berkaitan yang dikemukakan.
- 5.5 Borang yang tidak lengkap akan dikembalikan semula kepada pemohon dalam tempoh **7 hari** selepas permohonan diterima.
- 5.6 Keputusan permohonan akan dimaklumkan dalam tempoh **7 hari** selepas tarikh permohonan diterima melalui email.
- 5.7 Bahagian Korporat, Kualiti dan ICT, JHEWA akan membuat pemantauan mengikut keperluan terhadap penggunaan logo yang telah diluluskan.

6. KRITERIA PERMOHONAN

- 6.1 Pemohon adalah sebuah kementerian/ Jabatan / Agensi kerajaan yang diiktiraf;
- 6.2 Pemohon adalah Badan Bukan Kerajaan (NGO);
- 6.3 Pemohon adalah usahawan bimbingan JHEWA;

“SABAH MAJU JAYA”

- 6.4 Program yang dianjurkan hendaklah mendapat kelulusan dan permit penganjuran dan mendapat pengiktirafan atau kelulusan daripada pihak berkuasa seperti Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan agensi yang berkaitan;
- 6.5 Pemohon hendaklah mempunyai keupayaan membiayai kos keseluruhan pelaksanaan program melalui sumber kewangan tersendiri atau melalui penaja;
- 6.6 Penggunaan logo bagi tujuan untuk mendapatkan sumber pembiayaan, komersial, berniat untuk mendapatkan keuntungan adalah dilarang sama sekali; dan
- 6.7 Tujuan program hendaklah tidak melibatkan elemen-elemen yang bertentangan dengan undang-undang negara ini.

7. PEMATUHAN TERHADAP PENGGUNAAN LOGO JHEWA

- 7.1 Kebenaran penggunaan logo JHEWA adalah bagi sesuatu tempoh terhad yang dinyatakan secara bertulis.
- 7.2 Penganjur bertanggungjawab untuk memastikan tiada sebarang masalah berbangkit dalam penganjuran program yang telah mendapat kebenaran penggunaan logo JHEWA.
- 7.3 Penggunaan logo ini mestilah tidak menjejaskan imej JHEWA, negeri dan negara.
- 7.4 Penganjur hendaklah memastikan prosedur penganjuran program dan keselamatan dipatuhi sepenuhnya.
- 7.5 Pengarah Jabatan Hal Ehwal Wanita Sabah berhak untuk menghalang, menghentikan dan membatalkan kelulusan penggunaan logo JHEWA bagi mana-mana program yang didapati menyalahi undang-undang yang dianggap bertentangan dengan imej, matlamat penganjuran seperti menimbulkan ancaman, ketegangan, menganggu ketenteraman awam dan sebagainya.
- 7.6 Penganjur tertakhluk kepada undang-undang kerajaan Malaysia.

“SABAH MAJU JAYA”

8. PANDUAN PENGGUNAAN LOGO JHEWA

Pemohon hendaklah mematuhi garis panduan penggunaan logo JHEWA seperti di **Lampiran A**.

9. PENUTUP

9.1 Garis panduan ini terpakai kepada semua pihak yang terlibat dalam permohonan penggunaan logo JHEWA.

9.2 Borang dan senarai semak permohonan penggunaan logo Jabatan Hal Ehwal Wanita Sabah (JHEWA) adalah seperti di **Lampiran B** dan **Lampiran C**.

9.3 Borang permohonan yang telah lengkap diisi berserta dokumen sokongan hendaklah dihantar secara serahan tangan dan email kepada:

Bahagian Korporat Kualiti dan ICT
Jabatan Hal Ehwal Wanita Sabah
Tingkat 3 & 4, Wisma Wanita
KM. 3.5, Jalan Tuaran, Beg Berkunci 2082
88999 KOTA KINABALU

Tel: [088-236110](tel:088-236110)

Faks: [088-236125](tel:088-236125)

Email: JHEWA@sabah.gov.my

“SABAH MAJU JAYA”

10. TARIKH KUAT KUASA

Garis Panduan ini berkuatkuasa pada **01 Julai 2024**.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(HASLINA ISMAIL)

Pengarah

Jabatan Hal Ehwal Wanita Sabah

Tarikh: 1 Julai 2024

“SABAH MAJU JAYA”

LAMPIRAN A

**PANDUAN PENGGUNAAN LOGO
JABATAN HAL EHWAL WANITA SABAH
(JHEWA)**



LATAR BELAKANG CERAH



LATAR BELAKANG GELAP

LAMPIRAN B

BORANG PERMOHONAN PENGGUNAN LOGO JABATAN HAL EHWAL WANITA SABAH (JHEWA)

A. MAKLUMAT PERMOHONAN PENGGUNAAN LOGO JHEWA

**TUJUAN PENGGUNAAN
LOGO JHEWA :**

**TARIKH DIPERLUKAN
(NYATAKAN TEMPOH) :**

B. MAKLUMAT PEMOHON

**NAMA AGENSI/NGO/
USAHAWAN :**

NAMA PEMOHON :

JAWATAN :

NO. TELEFON :

EMEL :

*sila lengkapkan Borang Senarai Semak Permohonan Penggunaan Logo JHEWA serta lampiran dokumen

TANDATANGAN PEMOHON

.....
Nama :

Tarikh :

C. UNTUK KEGUNAAN JABATAN HAL EHWAL WANITA SABAH

- Permohonan menggunakan logo Jabatan Hal Ehwal Wanita Sabah (JHEWA) dengan tujuan di atas adalah **DILULUSKAN / TIDAK LULUSKAN**
- Sebab tidak diluluskan

.....
.....

**TANDATANGAN
PENGARAH JHEWA :**

TARIKH :

D. ARAHAN DAN TANGGUNGJAWAB PEMOHON

- Permohonan hendaklah dikemukakan sekurang-kurangnya 14 hari sebelum tarikh penggunaan logo;
- Sebarang **PEMBATALAN / PERUBAHAN** hendaklah dimaklumkan **SEGERA** secara bertulis ke Bahagian Korporat, Kualiti dan ICT, JHEWA tidak lebih 3 hari sebelum program berlangsung;
- Keputusan permohonan akan dihantar melalui emel pemohon yang seperti yang dinyatakan dalam borang ini; dan
- Untuk sebarang pertanyaan boleh dikemukakan kepada Bahagian Korporat, Kualiti dan ICT, JHEWA di talian 088-2661110 atau emel kepada JHEWA@sabah.gov.my

LAMPIRAN C

**SENARAI SEMAK PERMOHONAN PENGGUNAAN LOGO
JABATAN HAL EHWAL WANITA SABAH (JHEWA)**

BIL.	KRITERIA	SENARAI SEMAK *(tandakan ✓ bagi mana-mana yang berkenaan)	UNTUK KEGUNAAN JHEWA
			SEMAKAN/ULASAN
MAKLUMAT PEMOHON			
1.	Latar Belakang	☐ AGENSI KERAJAAN/SWASTA ☐ BADAN BUKAN KERAJAAN (NGO) ☐ USAHAWAN BIMBINGAN JHEWA	
MAKLUMAT KETERANGAN PENGGUNAAN LOGO			
2.	Objektif program *sila lampirkan salinan dokumen (cth: kertas kerja)	☐ Menyokong visi, misi serta objektif JHEWA ☐ Lain-lain (sila nyatakan)	
3.	Sasaran peserta	☐ AGENSI KERAJAAN/SWASTA ☐ BADAN BUKAN KERAJAAN (NGO) ☐ USAHAWAN BIMBINGAN JHEWA ☐ Lain-lain (sila nyatakan)	
4.	Penyertaan (anggaran bilangan peserta)		